

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI
(KUALA KRAI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 31.03.2014

Y.B. DR. MOHD HATTA BIN MD. RAMLI [KUALA KRAI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan jumlah 'foregone revenue' kepada Kerajaan disebabkan insentif cukai yang diberikan kepada pelabur-pelabur asing yang melabur di negara ini sejak ETP dilancarkan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan telah menyediakan pelbagai bentuk insentif cukai dan bukan cukai untuk menggalakkan pelaburan

langsung bernilai tinggi dari dalam (DDI) dan luar negara (FDI). Antara insentif cukai utama yang ditawarkan adalah galakan Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 dan Akta Cukai Pendapatan 1967. Syarikat yang menjalankan aktiviti atau mengeluarkan produk yang digalakkan layak mendapat insentif cukai tersebut termasuk projek yang dijalankan sebelum dan selepas ETP dilaksanakan.

Disamping itu, Pakej Galakan Istimewa juga disediakan kepada para pelabur bagi projek-projek yang disasarkan untuk memberi impak signifikan kepada negara seperti pengeluaran produk dan aktiviti berteknologi tinggi, bernilai tambah tinggi, berdasarkan pengetahuan serta mempunyai nilai rantaian yang memberi manfaat kepada ekonomi negara dalam jangka panjang.

Sejak ETP dilaksanakan pada tahun 2010 hingga 2012, sebanyak 1,050 projek perkilangan dan perkhidmatan telah diluluskan insentif cukai dengan pelaburan melebihi jumlah RM117 bilion. Pemberian insentif cukai ini melibatkan kehilangan hasil Kerajaan bagi tempoh yang sama seperti

berikut:

| Tahun Taksiran | Kehilangan Hasil (RM) |
|----------------|-----------------------|
| 2010 | 4.271 bilion |
| 2011 | 4.965 bilion |
| 2012 | 5.866 bilion |
| Jumlah | 15.102 bilion |

Sungguhpun pemberian insentif cukai mengakibatkan kehilangan hasil, hakikatnya negara memperoleh pelbagai limpahan faedah daripada pelaksanaan projek-projek yang memberi impak signifikan seperti berikut:

- i. Mewujudkan peluang pekerjaan berpengetahuan tinggi dalam pelbagai sektor pembuatan dan perkhidmatan;
- ii. Penerokaan industri baharu yang lebih berteknologi tinggi seperti industri solar dan aeroangkasa;
- iii. Mengukuhkan aktiviti *Research & Development* (R&D) melalui pemindahan teknologi ke dalam negara;

- iv. Merangsang pembangunan vendor tempatan dengan menggalakkan syarikat multinasional untuk meningkatkan penggunaan komponen/bahan mentah tempatan;
- v. Menjadikan Malaysia sebagai Hub Operasi Global yang menyumbang kepada peningkatan eksport produk dan perkhidmatan tempatan; dan
- vi. Menyokong pembangunan subsektor perkhidmatan seperti penyedia logistik, re-manufacturing and re-servicing yang dapat meningkatkan nilai rantai industri dalam negara.